



2 Januari 2014
2 January 2014
P.U. (A) 1

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN
*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN
(LEBUH RAYA PANTAI TIMUR-FASA 2) 2014

*FEDERAL ROADS
(EAST COAST EXPRESSWAY- PHASE 2) ORDER 2014*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA JALAN PERSEKUTUAN 1959

PERINTAH JALAN PERSEKUTUAN (LEBUH RAYA PANTAI TIMUR-FASA 2) 2014

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 3 Akta Jalan Persekutuan 1959 [Akta 376], Menteri, setelah berunding dengan Kerajaan Negeri Terengganu, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Jalan Persekutuan (Lebuh Raya Pantai Timur-Fasa 2) 2014**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 3 Januari 2014.

Perisytiharan jalan sebagai jalan Persekutuan

2. (1) Bahagian jalan yang dikenali sebagai Lebuh Raya Pantai Timur-Fasa 2 yang bermula dari kilometer 295.696 (di koordinat U -69250.940, T 45040.613 Grid Cassini Negeri Terengganu) dan berakhir di kilometer 433.977 (di koordinat U 44230.307, T 12659.989 Grid Cassini Negeri Terengganu), kedua-dua jarak diukur dari Pejabat Pos Besar Kuala Lumpur melalui Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak, Lebuh Raya Pantai Timur-Fasa 1 dan Lebuh Raya Pantai Timur-Fasa 2 termasuklah Persimpangan Bertingkat Kijal, Persimpangan Bertingkat Kertih, Persimpangan Bertingkat Paka, Persimpangan Bertingkat Dungun, Persimpangan Bertingkat Bukit Besi, Persimpangan Bertingkat Ajil, Persimpangan Jalan Telemung, Persimpangan Bertingkat Telemung, Persimpangan Bertingkat Kuala Terengganu dan jalan-jalan sambungannya iaitu suatu jarak sepanjang 138.281 kilometer, diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan.

(2) Jalan yang diisytiharkan sebagai jalan Persekutuan di bawah subperenggan (1) ditunjukkan dalam peta dalam Jadual.

Pembatalan

3. Perintah Jalan Persekutuan (Lebuhraya Pantai Timur–Fasa 2) 2012 [P.U. (A) 117/2012] dibatalkan.

JADUAL [Subperenggan 2(2)]

PETA LEBUH RAYA PANTAI TIMUR–FASA 2

